

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
*sembangict@yahoo.com*

## Promosi bisnes dunia siber

**A**pakah cara terbaik untuk promosi perniagaan dalam dunia siber?

-Muhammad, Perlis.

Promosi perniagaan dalam dunia siber bermakna mempromosi sesuatu produk atau perkhidmatan menerusi talian Internet. Terdapat banyak mekanisma diwujudkan dalam dunia siber yang boleh digunakan untuk mempromosi sesuatu perniagaan.

**1** Bangunkan sebuah laman web perniagaan yang ringkas, padat dan penuh maklumat. Perkara ini penting untuk dirujuk oleh para pelanggan berkenaan dengan maklumat harga, lokasi, barang dan perkhidmatan perniagaan yang dijalankan. Laman web tersebut boleh diterbitkan secara percuma atau berbayar. Pihak penyedia perkhidmatan terbitan laman web secara percuma seperti *Google Site*, *WordPress*, *Blogger* dan sebagainya agak terhad dekorasi, saiz dan sebagainya.

**2** Bangunkan aplikasi atau laman untuk capaian peralatan mudah alih seperti telefon pintar. Laman web yang sedia ada boleh dibangunkan dalam satu versi mudah alih yang lain atau dibangunkan secara khusus aplikasi mudah alih untuk sesuatu perniagaan. Perkara ini perlu kerana capaian peralatan mudah alih berbeza caranya, agak terhad dari segi fizikal dan sumber pengkomputerannya berbanding penggunaan komputer biasa.

**3** Promosi perniagaan menerusi media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp dan lain sangat penting hari ini kerana mengandungi ramai ahlinya. Namun begitu perlu ada strategi sistematik agar promosi itu dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan, lancar, sesuai dan mengena sasaran pelanggan yang dikehendaki. Sebagai contoh, ada sebuah syarikat penerangan memperolehi keuntungan puluhan ribu ringgit menerusi promosi di laman sosial Facebook. Namun begitu, ada jabatan dan kumpulan pekerja yang dikhatusukan untuk perkara tersebut.

**4** Promosi perniagaan menerusi pengoptimuman penggunaan enjin carian dalam sesebuah laman web seperti Google, Bing dan sebagainya. Pihak Google sendiri telah menyediakan alat khusus untuk perkara ini yang dikenali sebagai *Google Analytics*.

**5** Bangunkan blog untuk perniagaan atau boleh digabungkan ke dalam laman web sedia ada. Blog lebih bersifat interaktif yang disukai ramai pengguna. Sambungkan laman web atau blog dengan akaun media sosial yang ada.

**6** Penggunaan pelantar perniagaan kecil dan sederhana seperti Lazada, *lelong.my*, *mudah.my* dan lain-lain berupaya membantu promosi sesuatu perniagaan.